

# Permohonan lepasan di luar sistem pendidikan kebangsaan masuk IPTA dibuka mulai 30 Jun

• Oleh Berita Utama @ Yaya Amir-15 Mei 2026



Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Datuk Prof Dr Azlinda Azman bercakap pada Sidang Media Khas mengenai Laluan Kemasukan Pelajar Lepas Di Luar Sistem Pendidikan Kebangsaan Ke Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Kementerian Pendidikan Tinggi hari ini. - foto BERNAMA

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) akan membuka permohonan kemasukan ke IPTA bagi lepasan di luar sistem pendidikan kebangsaan mulai 30 Jun ini melalui universiti terlibat sebelum diselaraskan sepenuhnya menerusi UPUOnline pada tahun depan. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Datuk Prof Dr Azlinda Azman berkata, semua permohonan akan dinilai berdasarkan meritokrasi, syarat akademik dan keputusan Senat Universiti. Calon juga wajib memperoleh sekurang-kurangnya kepujian Bahasa Melayu serta lulus Sejarah selain perlu menjalani temu duga seperti calon arus perdana lain.

Antara universiti yang menawarkan program kepada lepasan tahfiz dan SMPC/UEC ialah Universiti Malaya, Universiti Putra Malaysia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Teknologi MARA dan Universiti Sultan Zainal Abidin. Program ditawarkan termasuk bidang dakwah, tahfiz, pengajian Islam serta bahasa dan linguistik Cina. Pelajar yang diterima juga akan menikmati subsidi kerajaan kerana program berkenaan dianggap sebagai saluran perdana IPTA.